

الدُّنْيَا Auladuna

2020 (UP) 600-002/042(30)



فوسة دعوه اسلاميه
مركز الدعوه الاسلاميه
ISLAMIC DA'WAH CENTRE

Bil: 31

Akhlik Baik dan Mulia

Pasukan Gajah & 5
Burung Ababil

Akhlik Yang
Baik & Mulia 7

Belajar Bahasa
Arab 12





Kalam Auladuna	3
Asma'ul Husna	4
Kisah Haiwan	5
Pengenalan Surah	6
Pekerti Auladuna	7
Adab Islami	8
Kamus 3 Bahasa & Perambahan Brunei	9
Bina Perkataan	10
Asah Minda	11
Belajar Bahasa Arab	12
Gambar Tersembunyi	14
Teka Silang Kata	15
Doa	16



ANGGOTA REDAKSI

EDITOR

Hajah Middeni binti Haji Lamit

PENOLONG EDITOR

Hajah Suriyati binti Haji Ahmad

PENYELARAS

Hjh Ratna Wati binti Hj. Abd. Karim
Rokiah binti Haji Mohamad Serudin
Azizah binti Hidup

PEMBANTU PENYELARAS

Qairunnisa binti Haji Jalil
Md. Zelihan bin Ahad
Dahlan bin Chuchu
Dayang Hayatun Syakirah binti Hj. Awang Abd. Ghani

ATUR HURUF & REKA BENTUK

Dahlan bin Chuchu

PEMBAHAGI MAJALAH

Pg. Muhammad Rafiuddin bin Pg. Haji Badaruddin
Norni binti Haji Norsan

AKHLAK MAHMUDAH

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أَعْسَوْةٌ حَسَنَةٌ لِمَنْ كَانَ يَرْجُوُ اللَّهَ
وَالْيَوْمَ أَخْرَى وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ﴿٦﴾

Tafsirnya:


Demi sesungguhnya pada diri Rasulullah itu ada contoh yang baik bagi kamu iaitu bagi orang yang mengharapkan (keredhaan) Allah dan (kebahagiaan) hari Akhirat serta banyak berzikir mengingat Allah.

Surah al-Ahzaab:21

Agama Islam amat menyarankan kita umat Islam agar sentiasa berakhhlak dengan akhlak yang mulia dan disukai oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala. Sikap yang mulia itu di antaranya ialah bersifat amanah, jujur, menjauhi segala larangan Allah Subhanahu wa Ta'ala, menghormati ibu bapa, guru-guru, rajin belajar, rajin menolong ibu bapa, dermawan, menepati janji, menyayangi binatang, sentiasa bersyukur dan sifat-sifat baik yang lainnya. Dengan berakhhlak baik ini, anak-anak akan mendapat kebaikan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Apabila sudah membiasakan diri dengan akhlak yang baik dan terpuji, hati akan merasa bahagia dan tenang, dan setentunya ilmu pengetahuan dalam pelajaran akan mudah difahami.

Akhhlak terpuji yang anak-anak lakukan hendaklah diniatkan untuk mendapatkan pahala daripada Allah Subhanahu wa Ta'ala. Janganlah mengharapkan dan meminta kepada selain Allah Subhanahu wa Ta'ala. Sikap ini tidak disukai oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana kita telah dikurniakan rezeki olehNya tetapi kita meminta pertolongan daripada yang lain. Ini adalah akhlak yang buruk dan dibenci oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala.





Asma'ul
Husna

الشَّكُورُ


Yang Berterima Kasih

وَكَانَ اللَّهُ شَاكِرًا عَلَيْمًا

Tafsirnya:

...Dan Allah adalah sentiasa membalaas dengan sebaik-baiknya lagi Maha Mengetahui (orang-orang yang bersyukur kepadaNya)

Asy-Syakur bererti Yang Berterima Kasih. Allah *Subhanahu wa Ta'alaa* sangat berterima kasih dan akan melipatgandakan pembalasan dan pahala kepada hamba-hambanya yang ta'tat dan mengerjakan amal salih lagi bertaqwa. Dia akan sentiasa memberkati kehidupan dan mengurniakan ni'mat kesihatan kepada mereka.



Kisah
Haiwan

Pasukan Gajah dan Burung Ababil

Dalam Surah al-Fiil diceritakan kisah pasukan bergajah yang mempunyai kekuatan yang luar biasa yang memasuki kota suci Mekah dengan tujuan untuk menyerang dan meruntuhkan Ka'bah.

Namun begitu usaha mereka tidak berjaya kerana Allah *Subhanahu wa Ta'alaa* telah mematahkan rancangan jahat itu dengan mengutus sekumpulan burung bernama Ababil. Burung-burung tersebut membawa batu-batu kecil daripada tanah yang dibakar lalu melemparkannya pada pasukan bergajah tersebut. Batu-batu itu menyebabkan pasukan bergajah hancur seperti daun-daun yang dimakan ulat.

Pengajaran

Peristiwa tersebut membuktikan betapa besarnya kekuasaan Allah *Subhanahu wa Ta'alaa* dan tidak ada alasan lagi bagi manusia untuk tidak beriman kepadaNya. Selain itu ia juga membuktikan bahawa setiap perbuatan yang bertujuan untuk merosakkan dan memusnahkan sesuatu yang mulia dan terpelihara kehormatan dan kesuciannya di sisi Allah akan menerima akibat buruk daripada Allah *Subhanahu wa Ta'alaa*. Harta benda yang banyak, bilangan tentera yang ramai dan kekuatan yang hebat pun tidak akan dapat melawan kekuasaan Allah *Subhanahu wa Ta'alaa*.




سُورَةُ الْبَقَرَةِ

SURAH AL-BAQARAH

- Surah al-Baqarah merupakan surah ke 2 di dalam al-Qur'an. Ianya merupakan surah terpanjang yang mengandungi 286 ayat.
- Surah ini dinamakan Surah al-Baqarah (Lembu Betina) kerana pada ayat 67 hingga 74 ada disebutkan kisah-kisah penyembelihan lembu betina yang diperintahkan oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala kepada Bani Israel. Selain itu surah ini juga dinamakan Surah Alif Lam Mim kerana ia dimulai dengan huruf-huruf tersebut.

Di antara kandungan yang terdapat dalam surah ini ialah:

1. Mengenai kebenaran al-Qur'an serta menyeru orang-orang Yahudi supaya beriman kepada al-Qur'an.
2. Menceritakan penciptaan Nabi Adam 'alaihissalam, keingkaran iblis, kisah Nabi Ibrahim 'alaihissalam dan Nabi Musa 'alaihissalam dengan Bani Israel.
3. Menjelaskan prinsip perundangan Islam yang mencakupi ibadat, mu'amalat, munakahat dan jenayah .



Akhlik Yang Baik dan Mulia

Memiliki akhlak yang baik dan mulia akan membuatkan ibu bapa, saudara mara, guru-guru dan kawan-kawan senang hati. Di antara akhlak-akhlak yang baik tersebut ialah:





Adab Semasa Makan Dan Minum

Ada beberapa adab semasa makan dan minum dalam Islam yang perlu anak-anak ketahui supaya mendapat keberkatan dari Allah Subhanahu wa Ta'ala. Antaranya:



BAHASA MELAYU	BAHASA INGGERIS	BAHASA ARAB
Sabar	Patient	صَبْرٌ
Syukur	Gratitude	شُكْرٌ
Amanah	Trust	آمَانَةٌ
Jujur	Honest	صِدْقٌ
Adil	Legal	عَدْلٌ

KAMUS BRUNEI

PERAMBAHAN BRUNEI

Ginis

Elok (tentang rupa dan tingkah laku seseorang).

Contoh ayat:

Nazura kelihatan ginis semasa menghadiri majlis harijadi sepupunya.

Kalimut; mengalimut

Memburuk-buruk atau mengata-ngatai orang lain di belakang.

Contoh ayat:

"Mengalimut adalah perbuatan yang keji dan berdosa besar," kata Ustaz Romzi kepada murid-muridnya.

Racak; meracak

Melakukan sesuatu yang kurang sopan atau mengeluarkan kata-kata yang kurang manis terhadap orang yang patut dihormati.

Contoh ayat:

Hajah Jamilah menegur cucunya yang meracak di depan tetamu yang hadir.

Akal keramian

Perangai yang tidak senonoh

Contoh ayat:

Hazman tidak disukai oleh kawan-kawannya kerana dia mempunyai akal keramian.

Bertolak berambit

Bertolak ansur

Contoh ayat:

Dalam menjalani kehidupan harian, sifat bertolak berambit amat penting bagi mewujudkan keharmonian.

Muar tangan

Suka menghulurkan sedekah, derma dan lain-lain lagi


Contoh ayat:

Haji Yussof muar tangan lebih-lebih lagi bila tiba bulan Ramadhan.



Cuba bina 13 perkataan
daripada perkataan di bawah ini

BERSOPAN SANTUN



Auladuna Bil. 31

1

Cuba cari perkataan yang dieja dalam huruf jawi bagi akhlak-akhlak yang terpuji di bawah ini. Selamat mencuba.

طاعة أمانه إخلاص عاديل صبر جوجور

ب	ت	ا	ر	ي	ب	م	ا	ع	ا
ر	و	ج	و	ج	ن	ر	ل	ي	م
ا	ف	ن	د	ن	ر	ي	ک	ش	ا
ج	ض	ظ	ض	ص	لا	خ	ما	ع	ن
و	ی	ق	غ	ف	ک	ز	ذ	ب	ه
ب	ت	ل	پ	د	ا	ع	ث	س	ه
ا	غ	ع	ا	د	ل	ي	خ	ا	ر
ر	لا	و	ز	ص	ث	ف	ن	ک	ط
و	س	ی	ه	ف	ب	ر	ر	ب	ص
ة	ع	ا	ط	غ	ض	ی	ف	ب	ص

Jawapan Keluaran Bil. 30

ف	ت	ت	ب	ب	ع	غ	ل	ب	م	م	ص
م		ف	ي	م	م	ب	ب	ي	ل	د	ح
	ب	ب	و	ج	ر	ي	ي	ل	ق	ا	ا
ي	ي	ل	ق	ق	ة	ع	ح	ه		ر	غ
ل	و	س	و	ي	ا	ا	ا	د	ا	ج	م
ا	و	ا	ا	ا	ج	ا	د	ن	ب	ف	ب
س	ض	ن	ل	ل	ة	أ	أ	م	أ	ج	ب
و	و	ا	ف	ب	ر	ي	و	ب	م	ف	م
ه	ي	ه	د	د	ئ	ل	م	ن	ا	ا	ل
م	ي	ل	ي	ب	ر	ن	ا	ض	م	ر	ك
م	م	-	ز	ن	ك	ت	ر	ب	ب		

11

Auladuna Bil. 31



Belajar Bahasa Arab

Mari kita sambung lagi pelajaran bahasa Arab yang mudah bagi anak-anak untuk mempelajarinya dan mengingatinya.



Sila Lihat

Gambar
Sebelah



Cuba baca dan hafalkan bahasa Arab bersama terjemahannya mengikut gambar berikut:



بَقَرَةٌ

Lembu Betina



دِينَكُ

Ayam Jantan



غَنْمٌ

Kambing



**Gambar
Tersembunyi**


Cuba anak-anak bantu sang arnab ini mencari seberapa banyak lobak merah pada gambar berikut.
Selamat mencuba!



**Teka
Silang Kata**



Sila anak-anak lengkapkan teka silang kata berikut:




MENDATAR

1. Sebelum makan baca
2. Hakim mestilah
3. dan amanah amalan mulia.
4. Jangan janji.
5. Jangan makanan semasa makan.
6. Kita mesti dalam menghadapi dugaan.
7. Memberi salam adalah salah satu yang terpuji.

MENURUN

2. Sidiq, Tabligh dan Fathanah.
4. Orang yang suka akan dipotong lidahnya dihari kiamat.
8. Elakkan memaki hamun dan bercakap
9. mestilah ditepati.
10. Meminta jika melakukan kesalahan.

Jawapan keluaran Bil. 30



Doa Agar Memiliki Akhlak Yang Baik

الْحَمْدُ لِلَّهِ، أَللَّهُمَّ كَمَا حَسَنْتَ خَلْقِي فَاحْسِنْ خُلُقِي

Maksudnya:

*Segala puji bagi Allah, Ya Allah
sebagaimana Engkau telah menciptakan
aku dengan sebaik-baiknya maka
elokkanlah budi pekertiku*

